



## MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

### PENGISIAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat DYMM Sultan Perak dan Warganegara Malaysia yang berkelayakan sahaja untuk memenuhi jawatan berikut:

1. (a) Jawatan : **PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1**  
(Kekosongan Jawatan : 8)
- (b) Kementerian / Jabatan / Badan Berkanun/Kuasa Tempatan : Majlis Daerah Tanjong Malim
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kemahiran (H)
- (e) Jadual Gaji : Minimum RM 1,500.00 - Maksimum RM 4,680.00
- (f) Syarat Lantikan :
  1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - (a) **Warganegara Malaysia**
    - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ;
    - (c) (i) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM 1,500.00); atau**
    - (ii) **Sijil Vokasional Malaysia** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM1,500.00); atau**
    - (iii) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM 1,561.00);**
    - (iii) **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
**(Gaji permulaan ialah pada Gred H1 : RM 1,622.00);**
  - dan (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(d)(i).

**Syarat Lantikan Bagi Keperluan Khas (Pemanduan / Pengendalian Kren/Pengendalian Dandang/Tugasan Menyelamat)**

- (d) (i) Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; atau
- (g) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (h) Program Transformasi Minda / Peperiksaan : 3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan Perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan yang berkenaan.
- (i) Pengesahan Dalam Perkhidmatan : 4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus Peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Perkhidmatan.
- (j) Taraf Jawatan : **KONTRAK/TETAP**
- (k) Cara memohon:
- i. Permohonan jawatan yang ditawarkan hendaklah dipohon melalui sistem permohonan jawatan kosong di <https://digital.perak.my/perjawatan>;
  - ii. Permohonan yang telah lengkap perlu dicetak dan disahkan beserta dengan salinan sijil dan transkrip atau keputusan peperiksaan yang telah diperolehi, kad pengenalan, sijil kelahiran yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport.
  - iii. Permohonan daripada calon-calon yang sedang berkhidmat dengan kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan / Badan-Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am Bab 'A' 21. Permohonan yang tidak menurut peraturan akan ditolak.
  - iv. Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Tanjong Malim  
Peti Surat 59,  
**35900 TANJONG MALIM**

**TARIKH IKLAN : 14 MAC 2025 ( JUMAAT )**  
**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 27 MAC 2025 ( KHAMIS )**

Catatan Am:

- i. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- ii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 12 bulan dari tarikh iklan ini ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- iii. Segala perbelanjaan dan tuntutan bersabit dengan permohonan ini tidak akan ditanggung oleh Majlis Daerah Tanjong Malim.